

Sisa buangan berjadual di Pusat Kualiti Alam terbakar sendiri

BH ONLINE | Khamis, 3 Oktober 2019 | 1:17pm



Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan, Hamdan Ali ketika melakukan membuat pemeriksaan barisan Kehormat pada Majlis Perhimpunan Bualan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan di Balai Bomba Seremban 2. - Foto Hasriyasyah Sabudin

SEREMBAN: Siasatan awal kebakaran yang berlaku di stor Pusat Kualiti Alam di sini, tengah hari semalam dipercayai akibat sisa buangan berjadual yang terbakar sendiri.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan, Hamdan Ali, berkata ia berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang terdapat di kawasan itu.

Katanya, menerusi rakaman itu, sisa buangan berjadual terbabit dilihat mengeluarkan asap sendiri sebelum mula terbakar.

“Setakat ini tiada maklumat kecuaiannya kerana kita percaya sisa buangan berjadual itu boleh terbakar sendiri berdasarkan tindak balas kepada cuaca panas.

“Bagaimanapun, tindakan pantas bomba Pusat Kualiti Alam berjaya mengawal kebakaran itu daripada terus merebak sebelum JBPM turut sama membantu.



Letusan api dapat dilihat ekoran sebuah stor berukuran 400 x400 kaki persegi terbakar di Pusat Kualiti Alam, semalam. - Foto BERNAMA